



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



## PERUNDANGAN SALAH NYATA: ANALISIS PENDEKATAN DI MALAYSIA

### *THE LEGISLATION OF MISREPRESENTATION: AN ANALYSIS OF MALAYSIAN APPROACHES*

Norhoneydayatie Abdul Manap<sup>1</sup>, Mat Noor Mat Zain<sup>2</sup>, Suzanna Mohamed Isa<sup>3</sup>

- <sup>1</sup> Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
Email: [norhoney@ukm.edu.my](mailto:norhoney@ukm.edu.my)
- <sup>2</sup> Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
Email: [mnmz@ukm.edu.my](mailto:mnmz@ukm.edu.my)
- <sup>3</sup> Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: [zie@ukm.edu.my](mailto:zie@ukm.edu.my)
- \* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 23.09.2020

Revised date: 20.10.2020

Accepted date: 28.10.2020

Published date: 06.12.2020

##### To cite this document:

Manap, N. A., Zain, M. N. M., & Isa, S. M. (2020). Perundangan Salah Nyata: Analisis Pendekatan di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5 (21), 58-71.

DOI: 10.35631/IJLGC.521006.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Abstrak:

Salah nyata merupakan salah satu daripada perbuatan yang menyebabkan kecacatan kerelaan pihak berkontrak dalam memasuki kontrak. Salah nyata merupakan satu prinsip common law yang telah diaplikasikan di negara-negara komanwel termasuk Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini dibuat adalah untuk menganalisis perundangan salah nyata yang terpakai di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan rekabentuk analisa kandungan akan menganalisis peruntukan perundangan yang terdapat dalam perundangan di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa statut mengawal perbuatan salah nyata dalam kontrak di Malaysia, namun, kebanyakan statut adalah khusus kepada kontrak-kontrak tertentu. Oleh yang demikian, perbuatan salah nyata masih dikawal oleh Akta Kontrak 1950 sekiranya tidak terikat dengan mana-mana statut lain. Walau bagaimanapun, peruntukan salah nyata dalam Akta Kontrak 1950 masih perlu diperbaiki untuk memastikan perundangan salah nyata dapat dikawal dengan baik.

#### Kata Kunci:

Salah Nyata, Perundangan, Kontrak, *Common Law*, Malaysia, Statut, Pihak Berkontrak

**Abstract:**

Misrepresentation is one of the causes of the defect of the contractor's willingness to enter into a contract. Misrepresentation is a common law principle that has been applied in commonwealth countries including Malaysia. Therefore, this study was made to analyze the misrepresentation legislation that applies in Malaysia. This study is a qualitative study using content analysis design that will analyze the legal provisions found in the legislation in Malaysia. The results of the study found that there are several statutes governing misrepresentation in contracts in Malaysia, however, most statutes are specific to certain contracts. Therefore, misrepresentation is still governed by the Contracts Act 1950 if it is not bound by any other statute. However, the misrepresentation provisions in the Contracts Act 1950 still need to be improved to ensure that misrepresentation legislation can be properly controlled.

**Keywords:**

Misrepresentation, Legislation, Contract, Common Law, Malaysia, Statute, Contracting Parties

**Pengenalan**

Manusia sering memasuki atau membuat kontrak demi memenuhi keperluan hidup seperti memasuki kontrak untuk membeli makanan, minuman, pakaian dan sebagainya. Sejak berlakunya kemajuan teknologi maklumat yang seiring dengan era globalisasi, kontrak yang dimasuki oleh manusia bukan sahaja dilakukan secara bersemuka, akan tetapi juga melalui dalam talian. Dengan adanya teknologi telefon pintar yang mengandungi pelbagai aplikasi pembelian dalam talian seperti Lazada, Shopee dan aplikasi-aplikasi lain memudahkan lagi manusia memasuki kontrak dengan hanya di hujung jari tanpa mengira batasan waktu atau tempat. Aplikasi ini memudahkan manusia mendapatkan barangan tempatan dan juga barangan daripada seluruh dunia tanpa mengeluarkan kos tinggi selain turut menjimatkan masa.<sup>1</sup>

Pelbagai transaksi yang terdapat secara bersemuka atau dalam talian ini kadangkala membuka ruang kepada berlakunya pelbagai unsur negatif seperti perbuatan salah nyata. Salah nyata dalam kontrak boleh berlaku sama ada dalam kontrak yang dilakukan secara bersemuka atau kontrak yang dimasuki secara dalam talian. Kontrak yang mengandungi unsur salah nyata memberi kesan kepada kerelaan bebas seseorang untuk memasuki kontrak. Ini bermaksud tiada lagi kerelaan bebas pihak berkontrak ketika memasuki kontrak sekiranya kontrak yang dimasukinya itu terdapat unsur salah nyata. Rentetan itu, kewujudan perundangan mengenai salah nyata dalam kontrak merupakan langkah untuk mengawal perbuatan salah nyata agar tidak terus berleluasa.

Oleh yang demikian, artikel ini akan menganalisis perundangan salah nyata menurut Australia dan Malaysia. Tujuan analisa ini dibuat adalah untuk melihat sejauh mana pengaplikasian perundangan berkaitan salah nyata di negara-negara tersebut.

<sup>1</sup> Rohaizan Abdullah, 'Kelebihan perniagaan dalam talian', Utusan Online, 26 Oktober 2016, <http://www.utusan.com.my/rencana/forum/kelebihan-perniagaan-dalam-talian-1.399616> (28 Oktober 2018).

## Definisi Salah Nyata

Salah nyata boleh didefinisikan berdasarkan elemen-elemen yang penting iaitu, kenyataan fakta yang penting yang tidak betul atau salah atau tidak benar kenyataannya, yang dibuat oleh satu pihak berkontrak kepada satu pihak lagi, yang bertindak sebagai pengaruh agar pihak tersebut memasuki kontrak, yang tidak bertujuan untuk mengikat tanggungjawab di bawah kontrak.<sup>2</sup> Selain itu, kenyataan yang dibuat itu dituju kepada pihak yang menerima kenyataan<sup>3</sup> sebelum atau pada masa kontrak dilakukan.<sup>4</sup> Menurut Atiyah,<sup>5</sup> salah nyata didefinisikan sebagai kenyataan fakta yang salah.

Terdapat beberapa definisi salah nyata yang ditulis oleh pakar undang-undang kontrak di Malaysia. Antaranya adalah Shaik Mohd Noor Alam,<sup>6</sup> yang menyatakan salah nyata adalah pernyataan yang tidak benar mengenai fakta yang dibuat oleh satu pihak kepada satu pihak lagi, yang tidak menjadi sebahagian daripada terma kontrak, namun menjadi salah satu sebab untuk mendorong pihak satu lagi itu untuk berkontrak. Menurutnya lagi, di Malaysia, asas kepada salah nyata adalah satu pernyataan mengenai fakta yang lampau atau sedia kala, bukan pernyataan mengenai hasrat atau janji masa depan. Kecanggihan makna terbentuk daripada kes-kes yang diputuskan. Menurut Ahmad Alsagoff<sup>7</sup> pula, salah nyata merupakan pernyataan palsu mengenai fakta yang sedia ada atau yang lepas yang dibuat oleh satu pihak, sebelum atau pada masa membuat kontrak itu, yang ditujukan kepada pihak yang satu lagi kepada kontrak itu, dan pembuat kenyataan itu percaya bahawa apa yang dikatakannya benar. Selain daripada definisi-definisi salah nyata yang diberikan oleh para penulis, salah nyata ini juga dapat dilihat melalui elemen-elemen yang turut diberikan oleh para penulis dan juga dengan merujuk kepada kes-kes yang telah diputuskan mahkamah.

## Perundangan Salah Nyata di Malaysia

Di Malaysia, prinsip salah nyata dalam kontrak dikawal melalui jalan perundangan untuk keadilan pihak-pihak berkontrak. Terdapat beberapa statut di Malaysia yang memperuntukkan mengenai salah nyata dalam kontrak sama ada statut umum<sup>8</sup> seperti Akta Kontrak 1950, atau statut khusus<sup>9</sup> seperti Akta Pelindungan Pengguna 1999 (APP 1999), Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011), Akta Sewa Beli 1967 (ASB 1967), Akta Jualan Barangan 1957 (AJB 1957), Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK 2013) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013).<sup>10</sup> Dalam akta-akta tersebut, prinsip salah nyata diperuntukkan secara jelas seperti dalam AK 1950, APK 2013 dan APKI 2013. Manakala akta-akta selainnya

<sup>2</sup> T. Chris, *Unlocking Contract Law*, Hodder & Stoughton, London, 2004, hlm. 202-203; Duxbury R., *Contract in a Nutshell*, Ed. Ke-7, Sweet & Maxwell, London, 2006, hlm. 63; P. Jeannie et al., *Principles of Contract Law*, Ed. Ke-5, Thomson Reuters (Professional) Australia Limited, New South Wales, 2016, hlm. 637.

<sup>3</sup> *Commercial Banking Co of Sydney Ltd v RH Brown & Co* [1972] 2 Lloyd's Rep 360 (Australia); *Smith v Eric S Bush* [1990] 1 AC 831.

<sup>4</sup> G. Stephen, *An Introduction to the Law of Contract*. Ed. ke-8, Thomson Reuters (Professional) Australia Limited, New South Wales, 2015, hlm. 346; J. Beatson, A. Burrows & J. Cartwright, *Anson's Law of Contract*, hlm 301.

<sup>5</sup> P.S. Atiyah & S.A. Smith, *Atiyah's Introduction to the Law of Contract*, Ed. Ke-6, Oxford University Press., Oxford, 1995, hlm 254.

<sup>6</sup> Shaik Mohd. Noor Alam bin S.M. Hussain, *Kontrak & Kewajipan Undang-undang di beberapa Negara Asean yang dipilih*, hlm 231.

<sup>7</sup> Syed Ahmad Alsagoff, *Principles of the Law of Contract in Malaysia*, hlm 360.

<sup>8</sup> Terpakai kepada semua jenis kontrak.

<sup>9</sup> Terpakai kepada kontrak-kontrak tertentu dengan merujuk kepada *preamble* akta.

<sup>10</sup> Misrepresentation Act 1967 (United Kingdom) Sebagai Model Undang-undang Salah Nyata di Malaysia, NA Manap, SSA Yusoff, MNM Zain, *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 21, 27-34

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

menggunakan istilah seperti representasi atau pernyataan palsu yang juga membawa maksud atau merangkumi salah nyata.

### Akta Kontrak 1950

Undang-undang yang terpakai untuk mengawal aktiviti kontrak di Malaysia adalah Akta Kontrak 1950 (AK 1950) (Akta 136) (Semakan 1974). Disorot dari perspektif sejarah, AK 1950 merupakan akta yang diambil daripada *Indian Contract Act 1872* (ICA 1872). ICA 1872 telah diperluaskan ke Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sebagai *Contract Enactment 1899* dengan beberapa pengubahsuaian. Sehingga tahun 1950, *Contract Ordinance* tidak secara rasmi diluluskan oleh *Federal Legislative Council* Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.<sup>11</sup> *Contracts (Malay States) Ordinance 1950* ini diaplikasikan di sembilan buah negeri di Malaysia tidak termasuk Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak yang masih mengaplikasikan undang-undang Inggeris yang terpakai di England.<sup>12</sup> Apabila *Contract Ordinance 1950* disemak pada tahun 1974, ia menjadi akta melalui *Revision of Laws Act 1968* tanpa melalui Parlimen. Bermula daripada itu, Akta ini mula terpakai ke seluruh Malaysia pada tahun 1974<sup>13</sup> yang merangkumi perundangan berkaitan salah nyata.

AK 1950 bukan semata-mata bermodelkan ICA 1872 kerana ICA 1872 merupakan hasil daripada beberapa cadangan *Indian Law Commissions*. Dalam merangka Akta ini, sebahagian besar cadangan Suruhanjaya Undang-undang adalah berdasarkan *common law* Inggeris dan sebahagian peruntukan dalam ICA 1872 yang juga dipinjam daripada *Draft Civil Code of the State of New York 1862*.<sup>14</sup> Peruntukan yang dipinjam daripada *Draft Civil Code of the State of New York 1862* adalah seksyen 17 yang merupakan peruntukan berkaitan tipuan dan seksyen 18<sup>15</sup> berkaitan peruntukan salah nyata. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan di sini, penggubalan AK 1950 bukanlah hasil daripada penelitian dan analisis penggubal undang-undang berdasarkan kepada kesesuaian keadaan dan situasi di Malaysia, akan tetapi peruntukan yang terdapat dalam AK 1950 hanyalah peruntukan-peruntukan yang dipetik dan diguna semula daripada pelbagai sumber lain termasuk *Indian Contract Act 1872* (ICA 1872). Namun, peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta tersebut masih terpakai dan dirujuk oleh mahkamah sehingga kini, termasuk peruntukan mengenai salah nyata. Oleh yang demikian, peruntukan mengenai salah nyata yang terdapat dalam AK 1950 adalah sama seperti peruntukan yang terdapat dalam ICA 1872.

Seksyen 18 AK 1950 memperincikan mengenai salah nyata seperti yang terdapat dalam perenggan (a) hingga (c) yang mendapat perhatian dan menjadi perbincangan di kalangan pakar undang-undang kontrak tempatan. Antaranya adalah Visu Sinnadurai<sup>16</sup> yang menyatakan bahawa seksyen 18 AK 1950 tidak memberikan definisi mengenai salah nyata, akan tetapi

<sup>11</sup> *Minutes of the Legislative Council of the Federation of Malaya, February 1950 to January 1951, Third Session*, (A36).

<sup>12</sup> Visu Sinnadurai, *The Law of Contract in Malaysia and Singapore: Cases and Commentary*, Ed. ke-2, Butterworth & Co (Asia) Pte Ltd, Singapore, 1987, hlm 1.

<sup>13</sup> Visu Sinnadurai, *The Law of Contract in Malaysia and Singapore: Cases and Commentary*, hlm 3.

<sup>14</sup> RN. Gooderson, RN. "English Contract Problems in Indian Code and Case Law" [1958] *Cambridge Lj* hlm 67; Visu Sinnadurai, *The Law of Contract in Malaysia and Singapore: Cases and Commentary*, hlm 9.

<sup>15</sup> Cheong May Fong, *Contract Law in Malaysia*, Sweet & Maxwell Asia: Petaling Jaya, Selangor, 2013, hlm 11; Pollock, *Indian Contract and Specific Relief Acts*, R.G. Padia Ed. ke-13, LexisNexis Butterworths, New Delhi, 2006, hlm 533.

<sup>16</sup> Visu Sinnadurai, *The Law of Contract for Malaysia and Singapore: Cases and Commentary*, Butterworths, Singapore, 1987, hlm 214.

peruntukan tersebut hanya menyatakan pengkelasan salah nyata yang lebih mirip kepada keadaan yang diliputi oleh salah nyata ikhlas dalam *common law*. Manakala, Andrew Phang<sup>17</sup> menyatakan seksyen 18 tidak memberikan definisi yang menyeluruh, hanya dinyatakan “*positive conduct*”. Oleh yang demikian, peruntukan yang terdapat dalam seksyen 18 AK 1950 mungkin perlu dilihat semula dalam memastikan perundangan mengenai salah nyata dapat dilaksanakan sebaiknya.

### **Akta Pelindungan Pengguna 1999 (Akta 599)**

Perkataan salah nyata tiada diperuntukkan dalam Akta ini. Namun, di bawah Bahagian II Akta iaitu seksyen 8, 10 dan 11 memperuntukkan mengenai larangan melakukan representasi palsu atau mengelirukan. Ini membuktikan bahawa Akta ini memberikan perlindungan kepada pengguna terhadap perbuatan tersebut.<sup>18</sup> Peruntukan-peruntukan tersebut memberikan hak kepada pengguna untuk diberikan maklumat yang mencukupi yang memberikan mereka peluang untuk membuat keputusan terbaik demi kepentingan mereka.<sup>19</sup> Sebagai contoh, seorang peniaga meletakkan iklan dalam akhbar yang memaparkan ciri dan keberkesanan produk jualannya yang kemudian didapati maklumat tersebut adalah tidak benar dan hanya bertujuan untuk gimik demi menarik minat pengguna. Perkara ini menjadi satu kesalahan di bawah seksyen 10 dan boleh dikenakan hukuman sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 25.

Menurut Wu Min Aun,<sup>20</sup> definisi yang terdapat di bawah seksyen 8 berkaitan ‘palsu’, ‘mengelirukan’ atau ‘memperdaya’ bukan satu definisi yang lengkap yang merangkumi perlakuan, representasi atau amalan yang boleh menyebabkan seseorang pengguna melakukan kesilapan. Perkataan ‘palsu’ secara umumnya bermaksud ‘tidak benar’, ‘salah’, atau ‘tidak betul’. Manakala perkataan ‘*misleading*’ dan ‘*deceptive*’ mempunyai maksud yang hampir sama dan digunakan silih berganti. Tambahnya lagi, maksud ‘palsu’ atau ‘representasi mengelirukan’ dalam Akta ini, boleh merujuk kepada seksyen 18 AK 1950 yang memperuntukkan berkaitan salah nyata.

Seksyen 10 pula tidak membenarkan segala bentuk representasi palsu atau tidak benar yang berkaitan barang, perkhidmatan dan lain-lain yang disenaraikan di bawah peruntukan tersebut. Manakala seksyen 11 pula melarang perbuatan representasi palsu berkaitan tanah dan seksyen 12 melarang perbuatan representasi salah berkaitan harga.

Berdasarkan peruntukan yang terdapat dalam APP 1999 ini, jelas bahawa akta ini juga tidak membenarkan perbuatan salah nyata, atau tidak benar, atau palsu atau mengelirukan. Oleh yang demikian, jelas bahawa akta ini memberi perlindungan kepada pengguna dalam konteks perbuatan salah nyata atau mengelirukan dalam kontrak. Walau bagaimanapun, akta ini masih mempunyai limitasi kepada pihak-pihak tertentu dan barang tertentu, yang mana tidak memberi perlindungan secara holistik sebagaimana AK 1950. Oleh itu, jika tiada perlindungan di bawah APP 1999, maka perlindungan berkaitan salah nyata dalam kontrak masih lagi di bawah AK 1950.

---

<sup>17</sup> Andrew Phang Boon Leong, *Law of Contract*, Malayan Law Journal Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1998, hlm 313.

<sup>18</sup> Lee Mei Pheng & Ivan Jeron Detta, *Commercial Law*, Ed. ke-2, Oxford Fajar Sdn Bhd, Shah Alam, Selangor, 2013, hlm 174.

<sup>19</sup> Lee Mei Pheng & Ivan Jeron Detta, *Commercial Law*, hlm 178.

<sup>20</sup> Wu Min Aun, *Consumer Protection Act 1999 Supply of Goods and Services*, hlm 11.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

### Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730)

Akta Perihal Dagangan 1972 telah dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) yang telah diluluskan oleh Parlimen pada 11 Julai 2011 dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012.<sup>21</sup> Sebagaimana yang diperuntukkan di *preamble* akta ini, tujuan akta ini adalah untuk menggalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melarang perihal dagangan palsu atau mengelirukan berhubungan dengan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan serta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada tujuan APD 2011 dan sebagaimana diperuntukkan di Bahagian III akta ini, khususnya di bawah seksyen 16, akta ini melarang membuat representasi palsu berkaitan pembekalan atau kelulusan barang atau perkhidmatan. Seksyen 17, 18 dan 20 tidak dibenarkan membuat pernyataan palsu yang boleh mengelirukan berkaitan perkhidmatan, iklan dan juga peraduan atau permainan. Seksyen 2 Akta ini mendefinisikan 'perkhidmatan' sebagai apa-apa perihalan perkhidmatan, sama ada perindustrian, perdagangan, profesional atau selainnya tetapi tidak termasuk apa-apa yang dibuat di bawah kontrak perkhidmatan. Oleh itu, pelanggaran kepada akta ini menyebabkan pihak yang terlibat boleh didenda atau dipenjarakan. Antara contoh pemerihal dagangan palsu yang kerap terjadi adalah paparan logo halal di restoran-restoran Muslim atau juga paparan logo halal palsu pada produk makanan yang menyebabkan kekeliruan kepada masyarakat.<sup>22</sup> Oleh itu, jelas bahawa akta ini turut mempunyai batasan dalam konteks dan kontrak tertentu sahaja khususnya mengawal kontrak mengenai perdagangan dan perkhidmatan sahaja, manakala kontrak-kontrak lain adalah bukan di bawah bidang kuasa akta ini dan masih tertakluk di bawah AK 1950.

### Akta Sewa Beli 1967 (Akta 212)

Akta Sewa Beli 1967 (Akta 212) (ASB 1967) ini telah dibuat pindaan dan mula berkuatkuasa pada 15 Jun 2011. Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada ketika itu, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata, pihak penjual kereta, pengedar dan pengguna bimbang dengan pindaan akta ini kerana akta ini memperuntukkan pemeriksaan tambahan ke atas kereta terpakai sebelum ia dijual, yang menurut mereka akan mengakibatkan kos tambahan dan kelewatan. Di bawah pindaan Akta ini juga, penjual boleh meminta deposit 10 peratus daripada penyewa, selain terdapat 14 item kenderaan yang perlu menjalani pemeriksaan berbanding hanya empat sebelum ini.<sup>23</sup>

ASB 1967 yang mula berkuat kuasa pada 11 April 1968<sup>24</sup> merupakan statut tempatan pertama berkaitan sewa beli yang telah mencontohi *Hire Purchase Act 1960*, New South Wales, Australia yang telah dilupuskan. ASB 1967 kekal sebahagian besarnya dalam bentuk yang sama walaupun terdapat pindaan. Sebelum wujud akta ini pada tahun 1967, transaksi sewa beli telah dikawal sepenuhnya oleh *common law* dan AK 1950.

---

<sup>21</sup> Zalina Zakaria & Zubaidah Ismail, S. (2015). Perkembangan Pengaturan Halal Menerusi Akta Perihal Dagangan 2011 Di Malaysia. *Shariah Journal*, 23(2), 189–216.

<sup>22</sup> Sita 17 produk guna logo halal palsu. (n.d.). Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/07/355203/sita-17-produk-guna-logo-halal-palsu-metrotv> (1 Oktober 2018)

<sup>23</sup> Anon, 'Kerajaan akan teliti Akta Sewa Beli 1967 (Pindaan 2010)', Utusan Online, 15 Jun 2011, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0615&sec=Terkini&pg=bt\\_33.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0615&sec=Terkini&pg=bt_33.htm), (3 Disember 2017).

<sup>24</sup> Shaik Mohd. Noor Alam bin S.M. Hussain, *Undang-Undang Komersil Malaysia*, Ed. ke-2, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2013, hlm 341.

ASB 1967 ini hanya melindungi transaksi sewa beli terhadap barang-barang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama Akta tersebut sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 1(2). Jika terdapat transaksi sewa beli di luar skop Jadual Pertama Akta tersebut, maka transaksi itu tidak dilindungi oleh ASB 1967 lagi, akan tetapi ia dilindungi oleh perundangan umum seperti AK 1950.<sup>25</sup> Antara senarai barang yang terdapat dalam Jadual Pertama adalah ‘semua barang pengguna’. Merujuk kepada seksyen 2 Akta ini, ‘barang-barang pengguna’ dimaksudkan sebagai “barang-barang yang dibeli bagi tujuan perseorangan, keluarga dan isi rumah.” Oleh yang demikian, Akta ini hanya terpakai bagi transaksi sewa beli bagi barangan tersebut sahaja.<sup>26</sup>

Menurut Salleh Buang,<sup>27</sup> salah nyata dalam kontrak sewa beli boleh berlaku secara lisan atau tulisan, sama ada dibuat oleh pemilik, peniaga, atau sesiapa sahaja yang bertindak bagi pihak mereka. Sekiranya salah nyata dibuat dalam perundingan yang membawa kepada memasuki kontrak sewa beli oleh salah seorang daripada orang yang disebutkan tadi,<sup>28</sup> maka seksyen 8(1) ASB 1967 adalah terpakai untuk menuntut remedi. Oleh itu peruntukan di bawah seksyen 8 merupakan satu perlindungan kepada penyewa sekiranya penyewa memasuki kontrak akibat didorong oleh salah nyata.<sup>29</sup> Seksyen 8 memperuntukkan bahawa apabila terdapat salah nyata yang dibuat oleh pemilik, atau peniaga, atau ejen-ejenya dalam rundingan yang membawa kepada perjanjian sewa beli, penyewa diberikan hak oleh undang-undang untuk membuat tuntutan terhadap pemilik dan orang yang membuat pernyataan.<sup>30</sup>

Seksyen 8(1) adalah berkaitan perwakilan, waranti atau pernyataan yang dibuat oleh seorang pemilik atau peniaga atau ejennya seolah-olah ia telah dibuat oleh ejen pemilik. Merujuk kepada seksyen 8(1)(a), jika pemilik membuat kenyataan, peruntukan tersebut memberikan kepada penyewa, “hak yang sama untuk membatalkan perjanjian itu sebagai penyewa jika representasi, waranti atau pernyataan telah dibuat oleh ejen pemilik”. Berdasarkan kepada peruntukan 8(1)(a) yang memberikan hak pembatalan kontrak, tidak dinyatakan kesan terhadap pembatalan tersebut. Oleh itu, dalam isu ini tertakluk kepada AK 1950 di bawah seksyen 65 dan 66.<sup>31</sup> Seksyen 8(1)(a) telah diaplikasikan dalam kes *Lau Hee Teah v. Hargill Engineering Sdn Bhd & Anor*<sup>32</sup>, yang mana Mahkamah Persekutuan mendapati bahawa pihak perayu berhak untuk mendapatkan remedi pembatalan kontrak di bawah seksyen 8(1)(a) jika dapat dibuktikan terdapat salah nyata tipuan. Di bawah peruntukan ini juga, pemilik boleh dipertanggungjawabkan atas salah nyata atau kenyataan yang tidak benar yang dibuat oleh peniaga. Oleh itu, seksyen 8(3) memberikan remedi kepada pemilik yang menderita akibat salah laku peniaga. Remedi tersebut adalah hak indemniti yang perlu diberikan oleh peniaga kepada pemilik.<sup>33</sup>

<sup>25</sup> Beatrix Vohrah dan Wu Min Aun, *The Commercial Law of Malaysia*, hlm 259-260.

<sup>26</sup> Shaik Mohd. Noor Alam bin S.M. Hussain, *Undang-Undang Komersil Malaysia*, hlm 342.

<sup>27</sup> Salleh Buang, *Malaysian Law on Hire Purchase*, Ed. ke-2, Sweet & Maxwell Asia, Petaling Jaya: Selangor, 2001, hlm 26.

<sup>28</sup> Salleh Buang, *Malaysian Law on Hire Purchase*, hlm 26.

<sup>29</sup> Lee Mei Pheng & Ivan Jeron Detta, *Business Law* (Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd, 2011, hlm 327.

<sup>30</sup> Beatrix Vohrah dan Wu Min Aun, *The Commercial Law of Malaysia*, hlm 273.

<sup>31</sup> Abd. Shukor Ahmad, *Legal aspects of hire purchase*, Marsden Law Book Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 2009, hlm 94.

<sup>32</sup> [1980] 1 MLJ 145.

<sup>33</sup> Abd. Shukor Ahmad, *Legal aspects of hire purchase*, hlm 96.

Namun, jika ejen yang membuat representasi, waranti atau pernyataan, penyewa mempunyai “hak yang sama untuk menuntut ganti rugi sebagai penyewa...jika penyewa telah membeli barang-barang daripada orang tersebut”<sup>34</sup> sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 8(1)(b). Peruntukan ini telah dirujuk oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lau Hee Teah v. Hargill Engineering Sdn Bhd & Anor.*<sup>35</sup> Walau bagaimanapun tidak dinyatakan dalam peruntukan kadar jumlah pemberian ganti rugi tersebut.<sup>36</sup>

Seksyen 8 tidak menyatakan berkaitan tindakan seorang peniaga khususnya berkenaan pernyataan palsu. Pernyataan palsu adalah berbeza daripada salah nyata yang mana pernyataan palsu biasanya terdapat dalam dokumen yang berkaitan dengan perjanjian sewa beli.<sup>37</sup> Oleh itu, rujukan yang seharusnya dibuat bagi pernyataan palsu adalah seksyen 36 ASB 1967. Merujuk kepada seksyen 36, sekiranya terdapat peniaga atau ejen atau orang lain bertindak bagi pihak pemilik atau tuan punya yang menyediakan perjanjian sewa beli dan terdapat pernyataan palsu, maka peniaga atau ejen atau orang tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

Selain itu, berdasarkan kepada seksyen 8(2) Akta ini, sekiranya terdapat apa-apa peruntukan dalam perjanjian sewa beli yang mengecualikan atau mengehadkan atau mengubah hak penyewa sebagaimana yang terdapat dalam seksyen 8(1), maka peruntukan tersebut adalah tidak sah.<sup>38</sup> Oleh itu, dapat difahami di bawah peruntukan tersebut bahawa pengecualian liabiliti berkaitan salah nyata dalam kontrak sewa beli adalah juga tidak sah.

Hak dan remedi yang diperuntukkan dibawah Akta ini adalah terpakai kepada representasi atau kenyataan oleh pemilik atau pekerja atau agennya yang dibuat ketika rundingan yang mendorong untuk memasuki kontrak sewa beli. Oleh yang demikian, peruntukan ini tidak terpakai bagi representasi oleh pemilik atau pekerja atau agennya selepas kemasukan kontrak sewa beli.<sup>39</sup> Oleh itu, jelas bahawa ASB 1999 mempunyai limitasi-limitasi tertentu dalam menentukan penyelesaian permasalahan berkaitan salah nyata dalam kontrak yang memerlukan rujukan terhadap AK1950.

### **Akta Jualan Barangan 1957 (Akta 382)**

Akta Jualan Barangan 1957 (Akta 382) (AJB 1957) adalah berkaitan dengan kontrak jualan barang, pindah milik, risiko barangan yang dijual, dan remedi untuk pembeli dan penjual jika berlaku pecah kontrak.<sup>40</sup> Sebelum tergubalnya AJB 1957, setiap negeri di Malaysia mempunyai perundangan jualan barang yang terpakai bagi negeri masing-masing. Menyoroti sejarah perundangan AJB 1957, perundangan pertama berkaitan jualan barang di Malaysia diambil daripada bab yang sama dalam statut yang sama iaitu daripada *Contract Enactment*

<sup>34</sup> Beatrix Vohrah dan Wu Min Aun, *The Commercial Law of Malaysia* (Petaling Jaya, Selangor: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd., 2000, hlm. 273; Salleh Buang, *Malaysian Law on Hire Purchase*, hlm 26; Nasser Hamid, *Hire Purchase: Breach & Remedies*, Gavel Publications, Petaling Jaya, Selangor, 2004, hlm 4.

<sup>35</sup> [1980] 1 MLJ 145.

<sup>36</sup> Abd. Shukor Ahmad, *Legal aspects of hire purchase*, hlm 95.

<sup>37</sup> Joshua Kevin, *Hire Purchase (Bilingual)*, Malayan Law Journal Sdn Bhd, Petaling Jaya, 2008, hlm 184.

<sup>38</sup> Beatrix Vohrah & Wu Min Aun, *The Commercial Law of Malaysia*, hlm 273; Salleh Buang, *Malaysian Law on Hire Purchase*, hlm 26.

<sup>39</sup> Abd. Shukor Ahmad, *Legal aspects of hire purchase*, hlm 92.

<sup>40</sup> Nurdianawati Irwani Abdullah & Siti Salwani Razali, *Commercial Law in Malaysia*, Prentice Hall, Selangor, 2008, hlm 65.



1899 yang terdiri daripada empat negeri merangkumi Perak (*Perak Contract Enactment (Enactment 22 of 1899)*), Negeri Sembilan (*Negeri Sembilan Contract Enactment (Enactment 23 of 1899)*) Selangor (*Selangor Contract Enactment (Enactment No.30 of of 1899)*) dan Pahang (*Pahang Contract Enactment (Enactment No. 1 of 1900)*). Setiap daripada empat negeri tersebut mempunyai *Chapter VII* (ss 76-23) bertajuk 'Sale of Goods' yang mengawal jualan barangan bagi setiap negeri yang berasaskan kepada *Chapter VII Indian Contract Act 1872*. Oleh itu, sejak 1899 undang-undang berkaitan jualan barang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu adalah *Chapter VII* dalam *Contract Enactment* negeri masing-masing.<sup>41</sup>

India kemudiannya menggubal akta berkaitan jualan barang yang dikenali sebagai *Indian Sale of Goods Act 1930* yang berasaskan kepada *Sale of Goods Act 1893 (UK)* (SOGA 1893) dan diubah suai mengikut keputusan hakim di England dan di India. *Indian Sale of Goods Act 1930* ini kemudiannya menjadi rujukan kepada undang-undang berkaitan jualan barang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang kemudiannya menggubal *Sale of Goods Enactment 1932 (Enactment No. 1 of 1932)*. Seksyen 1 *Sale of Goods Enactment 1932* memperuntukkan, "Upon the coming into force of this Enactment Chapter VII of the Contract Enactments, 1899 (Pahang 1900), shall be repealed." Berdasarkan peruntukan tersebut maka *Chapter VII Contract Enactment* setiap Negeri-negeri Melayu Bersekutu dimansuhkan. Manakala beberapa Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu seperti Johor dan Terengganu turut menggubal akta jualan barang bagi negeri masing-masing, kecuali Kelantan, Kedah dan Perlis yang tidak berbuat demikian.<sup>42</sup>

Pada tahun 1957 *Sale of Goods (Malay States) Ordinance 1957 (No 1 of 1957)* digubal untuk diaplikasikan di semua negeri di Malaysia kecuali Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak.<sup>43</sup> Pada tahun 1989, berlaku semakan terhadap Ordinan ini dan berlaku perubahan dengan menukar perkataan 'Ordinan' kepada 'Akta' yang kemudiannya dikenali sebagai *Sale of Goods Act 1957 (Act 382)* (SOGA). Pada tahun 1990, sekali lagi berlaku pindaan ke atas Akta ini yang membawa kemasukan Pulau Pinang dan Melaka berada di bawah kawalan SOGA 1957 yang mula berkuatkuasa pada 23 Februari 1990. Mahkamah turut mengiktiraf kemasukan negeri-negeri tersebut di bawah kawalan SOGA 1957 sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Au Yong Kum Min v Tractors Malaysia Bhd.*<sup>44</sup>

SOGA 1957 tidak terpakai di Sabah dan Sarawak kerana tiada pindaan yang dibuat untuk memasukkan Sabah dan Sarawak di bawah kawalan SOGA 1957. Oleh itu, berdasarkan kepada Akta Undang-undang Sivill 1956, kedua-dua negeri ini mengaplikasikan undang-undang jualan barang di United Kingdom iaitu *UK Sale of Goods Act 1979* yang menggabungkan *UK Sale of Goods Act 1893*, *UK Misrepresentation Act 1967* dan *UK Unfair Contracts Terms Act 1977*.<sup>45</sup>

<sup>41</sup> Abdul Majid bin Nabi Baksh & Krishnan Arjunan, *Sale of Goods Law in Malaysia*, Thomson Reuters Malaysia Sdn Bhd, Subang Jaya, 2016, hlm 3.

<sup>42</sup> Abdul Majid bin Nabi Baksh & Krishnan Arjunan, *Sale of Goods Law in Malaysia*, hlm 5-6.

<sup>43</sup> J. Sheela & Rahmah Ismail, *E-Commerce Contracts for Sale of Goods and Consumer Protection*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2014, hlm 37; Lee Mei Pheng & Ivan Jeron Detta, *Business Law*, Oxford Fajar Sdn Bhd., Selangor, 2011, hlm 148; Lee Mei Pheng & Ivan Jeron Detta, *Commercial Law*, Oxford Fajar Sdn Bhd., Selangor, 2013, hlm 192.

<sup>44</sup> [1997] 5 MLJ 168.

<sup>45</sup> Abdul Majid bin Nabi Baksh & Krishnan Arjunan, *Sale of Goods Law in Malaysia*, hlm 10-11; *Tan Chong & Sons Sdn Bhd v Alan McKnight* [1983] 1 MLJ 220; *Pacific Inter-Link Sdn Bhd v Aikbee Timbers (Sabah) Sdn Bhd* [2009] MLJU 650.

Dengan tergubalnya *Consumer Rights Act 2015* di United Kingdom, persoalan kini timbul tentang status pemakaiannya di Sabah dan Sarawak memandangkan wujud percanggahan pemakaiannya dengan APP 1999 yang juga terpakai di Sabah dan Sarawak. Persoalan ini masih menagih jawapan disebabkan komplikasi korpus undang-undang jualan barang di Sabah dan Sarawak. Jelas kelihatan bahawa terdapat dua sistem dalam mengaplikasikan perundangan berkaitan jualan barang di Malaysia, yang mana Sabah dan Sarawak mengaplikasikan undang-undang yang berbeza berbanding dengan Semenanjung Malaysia.

Walaupun kontrak jualan barang dikawal oleh SOGA 1957, AK 1950 adalah terus terpakai sekiranya masih konsisten dengan peruntukan dalam SOGA 1957 sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 3 SOGA 1957. Dalam permasalahan salah nyata, tiada peruntukan mengenai salah nyata dalam SOGA 1957. Oleh yang demikian, sekiranya terdapat permasalahan salah nyata dalam kontrak jualan barang, ia masih lagi tertakluk kepada AK 1950 selagi mana tidak bertentangan dengan AJB 1957.<sup>46</sup>

### **Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759)**

Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758) (APK 2013) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759) (APKI 2013) yang berkuatkuasa pada 30 Jun 2013 merupakan gabungan beberapa undang-undang berasingan untuk mengawal selia sektor kewangan di bawah rangka kerja perundangan tunggal masing-masing untuk sektor kewangan konvensional dan Islam, iaitu Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, Akta Bank Islam 1983, Akta Insurans 1996, Akta Takaful 1984, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 yang dimansuhkan pada tarikh yang sama.<sup>47</sup> Kedua-dua akta ini merupakan usaha Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mengawal selia perlakuan dan penyeliaan seluruh institusi kewangan di Malaysia bagi memastikan kestabilan kewangan negara di samping menyediakan perlindungan yang mencukupi untuk pengguna.<sup>48</sup> Ini menunjukkan bahawa peruntukan yang terkandung dalam akta ini hanya untuk melindungi kontrak yang berkaitan perbankan, takaful dan juga yang berkaitan dengan perniagaan kewangan serta tidak mengikat keseluruhan kontrak yang berlaku di Malaysia.

Dalam mengawal kontrak-kontrak yang berkaitan, APK 2013 dan APKI 2013 turut memperuntukkan prinsip salah nyata. Seksyen 129 APK 2013 memperuntukkan tentang kewajipan membuat pendedahan, dan juga berkaitan remedi sekiranya terdapat salah nyataan berkaitan kontrak insurans yang perlu dirujuk kepada Jadual 9 dalam Akta ini iaitu di Bahagian 3. Ayat yang digunakan dalam peruntukan APK 2013 adalah sama seperti peruntukan dalam APKI 2013. Cuma dalam APK 2013 perkataan yang digunakan adalah insurans, manakala dalam APKI 2013 perkataan yang digunakan adalah takaful. Di bawah APKI 2013, Seksyen 141 memperuntukkan tentang kewajipan membuat pendedahan dan juga berkaitan remedi sekiranya terdapat salah nyataan berkaitan kontrak takaful yang perlu dirujuk kepada Jadual 9 dalam Akta ini iaitu di Bahagian 3.

<sup>46</sup> Wu Min Aun, *Legal Aspects of Sale of Goods*, Longman Malaysia Sdn.Bhd., Petaling Jaya, Selangor, 1994, hlm 43.

<sup>47</sup> Paul Selva Raj, 'Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013', Ringgit, Julai 2013, hlm 3.

<sup>48</sup> Anon, 'Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ganti BAFIA 1989', Utusan Online, 27 Julai 2015, <http://www.utusan.com.my/bisnes/korporat/akta-perkhidmatan-kewangan-2013-ganti-bafia-1989-1.117295> (3 Disember 2017).

Hasil analisis terhadap kedua-dua akta ini jelas bahawa akta ini memberikan peruntukan yang lebih terperinci berkaitan salah nyata berbanding akta-akta lain kerana Jadual 9 APKI 2013 merangkumi semua peruntukan yang dimulai dari rundingan di peringkat pra kontrak hingga ke peringkat urusan tuntutan.<sup>49</sup> Namun, Akta ini juga tidak memberi perlindungan secara holistik kerana Akta ini hanya mengawal perlakuan pihak institusi kewangan di Malaysia sahaja, dan tidak mengawal segala urusan kontrak yang berlaku di Malaysia.

### Kesimpulan

Salah nyata merupakan salah satu perbuatan yang boleh mencatitkan kontrak. Salah nyata merupakan kenyataan fakta yang salah yang dibuat oleh pihak berkontrak yang bertujuan mempengaruhi pihak lain untuk memasuki kontrak. Pendekatan perundangan di Malaysia mengenai salah nyata dalam kontrak terdapat dalam beberapa akta, antaranya, AK 1950. Dari segi sejarah, AK 1950 pada asalnya berjudul *Contracts (Malay States) Ordinance 1950*, yang mana peruntukan Ordinan ini berasal dari *ICA 1872*. Peruntukan berkaitan salah nyata di bawah akta ini diperuntukkan dalam seksyen 18.

Selain AK 1950, terdapat beberapa lagi akta lain yang memperuntukkan mengenai salah nyata dalam kontrak. Walaupun terdapat beberapa akta yang digubal yang dilihat cuba untuk mengawal perbuatan salah nyata, namun akta-akta tersebut tidak mempunyai kuasa yang hebat sebagaimana AK 1950, kerana akta-akta yang tersebut hanya terhad kepada konteks atau kontrak tertentu. Sebagai contoh APP 1999, walaupun tidak menggunakan perkataan salah nyata dalam peruntukannya, peruntukan mengenai larangan melakukan representasi palsu atau mengelirukan (*misleading*) adalah merangkumi perbuatan salah nyata. Namun, APP 1999 hanya melindungi pihak pengguna sahaja sebagaimana yang didefinisikan dalam akta tersebut. Oleh itu, pihak-pihak yang tidak termasuk di bawah kategori pengguna bukanlah di bawah kawalan akta.

Selain itu, APD 2011 turut memperuntukkan berkaitan larangan membuat representasi palsu dengan fokus kepada konteks dan kontrak tertentu sahaja sebagaimana yang diperuntukkan dalam akta. Terdapat juga akta yang menggunakan perkataan salah nyata (*misrepresentation*) seperti ASB 1967, namun, akta ini juga terhad kepada kontrak sewa beli sahaja. Manakala AJB 1957 pula tidak memperuntukkan mengenai salah nyata, yang menyebabkan jika berlaku salah nyata, maka AK 1950 menjadi rujukan.

Akta yang agak baru digubal iaitu APK 2013 dan APKI 2013 dilihat sedikit terperinci mengenai salah nyata. Dalam kedua-dua akta tersebut, walaupun peruntukan tersebut menggunakan ayat sama melainkan perbezaan hanya pada 'insuran' dan 'takaful', akta ini dilihat mendahului akta-akta yang lain. Dalam akta ini terdapat peruntukan mengenai klasifikasi salah nyata yang tidak didapati dalam akta-akta lain di Malaysia. Walaupun masih belum lengkap mengenai peruntukan salah nyata dalam akta ini, namun suatu yang dibanggakan kerana penggubal akta ini cuba untuk mengisi kelompangan dan kelemahan yang ada dalam perundangan kontrak di Malaysia khususnya berkaitan salah nyata. Walau bagaimanapun, akta ini turut mempunyai batasannya, iaitu hanya terpakai untuk kontrak-kontrak yang melibatkan institusi kewangan di Malaysia seperti perbankan dan takaful atau insuran. Oleh yang demikian, sekiranya sesuatu kontrak tidak dilindungi oleh mana-mana akta,

---

<sup>49</sup> Lailawati bt Husain, The duty of utmost good faith : an overview of takaful law under Islamic Financial Services Act 2013 (2016) 3 (xvi Shariah) *Shariah Law Reports* xvii.

maka kontrak tersebut akan merujuk dan mengguna pakai AK 1950. Jadual di bawah merupakan rumusan kepada perbincangan kepada artikel ini.

STATUT/AKTA	PERUNTUKAN	TUJUAN AKTA
Akta Kontrak 1950	S. 18 - salah nyata	Mengawal semua aktiviti kontrak di Malaysia
Akta Perlindungan Pengguna 1999	S. 8, 10, 11 - larangan melakukan representasi palsu	Mengawal kontrak pengguna sahaja
Akta Perihal Dagangan 2011	S. 16, 17, 18, 20 - larangan melakukan pernyataan/representasi palsu	Mengawal perihal dagangan sahaja
Akta Sewa Beli 1967	S. 8(1) - larangan salah nyata dan remedi S. 8(2) - larangan membuat pengecualian liabiliti salah nyata	Mengawal kontrak sewa beli sahaja
Akta Jualan Barangan 1957	Tiada peruntukan berkaitan salah nyata	Mengawal kontrak jual beli barang sahaja
	Tidak terpakai kepada Sabah dan Sarawak	
Akta Perkhidmatan Kewangan 2013	S. 129 - Jadual 9, Bahagian 2, S. 5 - larangan pengguna melakukan salah nyata	Mengawal perlakuan semua institusi kewangan di Malaysia
Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013	S. 141 - Jadual 9, Bahagian 2, S. 5 - larangan pengguna melakukan salah nyata	Mengawal perlakuan semua institusi kewangan Islam di Malaysia

**Jadual 1: Perundangan Salah Nyata di Malaysia**

### Penghargaan

Penghargaan kepada Geran GGPM-2019-035 dan Universiti Kebangsaan Malaysia dalam membiayai penyelidikan dan bantuan kewangan.

### Rujukan

- Abd. Shukor Ahmad. (2009). *Legal aspects of hire purchase*. Kuala Lumpur; Marsden Law Book Sdn Bhd.
- Abdul Majid bin Nabi Baksh & Krishnan Arjunan. (2016). *Sale of Goods Law in Malaysia*. Subang Jaya: Thomson Reuters Malaysia Sdn Bhd.

- Andrew Phang Boon Leong. (1998). *Law of Contract*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn Bhd.
- Beatrix Vohrah dan Wu Min Aun. (2000). *The Commercial Law of Malaysia*. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Cheong May Fong. (2013). *Contract Law in Malaysia*. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia.
- Duxbury R. (2006). *Contract in a Nutshell*, Ed. Ke-7. London: Sweet & Maxwell.
- G. Stephen, (2015). *An Introduction to the Law of Contract*. Ed. ke-8. New South Wales: Thomson Reuters (Professional) Australia Limited.
- J. Beatson, A. Burrows & J. Cartwright. (2016). *Anson's Law of Contract*, Ed. ke-30. Oxford: Oxford University Press.
- J. Sheela & Rahmah Ismail. (2014). *E-Commerce Contracts for Sale of Goods and Consumer Protection*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Joshua Kevin. (2008). *Hire Purchase (Bilingual)*. Petaling Jaya: Malayan Law Journal Sdn Bhd.
- Lailawati bt Husain, The Duty of Utmost Good Faith: An Overview Of Takaful Law Under Islamic Financial Services Act 2013 (2016) 3 (xvi Shariah) *Shariah Law Reports* xvii.
- Lee Mei Pheng & Ivan Jeron Detta. (2011). *Business Law*. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Lee Mei Pheng & Ivan Jeron Detta. (2013). *Commercial Law*. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Minutes of the Legislative Council of the Federation of Malaya, February 1950 to January 1951, Third Session, (A36)*.
- Nasser Hamid. (2004). *Hire Purchase: Breach & Remedies*. Petaling Jaya: Gavel Publications.
- Norhoneydayatie Abdul Manap, Sakina Shaik Ahmad Yusoff & Mat Noor Mat Zain. (2016). Misrepresentation Act 1967 (United Kingdom) Sebagai Model Undang-undang Salah Nyata di Malaysia, *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 21, 27-34.
- Nurdianawati Irwani Abdullah & Siti Salwani Razali. (2008). *Commercial Law in Malaysia*. Selangor: Prentice Hall.
- P. Jeannie et al. (2016). *Principles of Contract Law*, Ed. Ke-5. New South Wales: Thomson Reuters (Professional) Australia Limited.
- P.S. Atiyah & S.A. Smith. (1995). *Atiyah's Introduction to the Law of Contract*, Ed. Ke-6. Oxford: Oxford University Press.
- Paul Selva Raj, 'Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013', Ringgit, Julai 2013.
- Pollock. (2006). *Indian Contract and Specific Relief Acts*, Ed. ke-13. New Delhi: LexisNexis Butterworths.
- RN. Gooderson, RN. (1958) "English Contract Problems in Indian Code and Case Law" *Cambridge Lj* 67.
- Rohaizan Abdullah, 'Kelebihan perniagaan dalam talian', Utusan Online, 26 Oktober 2016, <http://www.utusan.com.my/rencana/forum/kelebihan-perniagaan-dalam-talian-1.399616> (28 Oktober 2018).
- Salleh Buang. (2001). *Malaysian Law on Hire Purchase*, Ed. ke-2. Petaling: Jaya Sweet & Maxwell Asia.
- Shaik Mohd. Noor Alam bin S.M. Hussain. (1998). *Kontrak & Kewajipan Undang-undang di beberapa Negara Asean yang dipilih*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaik Mohd. Noor Alam bin S.M. Hussain. (2013). *Undang-Undang Komersil Malaysia*, Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sita 17 produk guna logo halal palsu. (n.d.). Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/07/355203/sita-17-produk-guna-logo-halal-palsu-metrotv> (1 Oktober 2018)

- Syed Ahmad Alsagoff. (2010). *Principles of the Law of Contract in Malaysia*, Ed. ke-3. Petaling Jaya: LexisNexis Malaysia Sdn. Bhd.
- T. Chris. (2004). *Unlocking Contract Law*. London: Hodder & Stoughton.
- Utusan Online, 'Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ganti BAFIA 1989', 27 Julai 2015, <http://www.utusan.com.my/bisnes/korporat/akta-perkhidmatan-kewangan-2013-ganti-bafia-1989-1.117295> (3 Disember 2017).
- Utusan Online, 'Kerajaan akan teliti Akta Sewa Beli 1967 (Pindaan 2010)', 15 Jun 2011, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0615&sec=Terkini&pg=bt\\_33.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0615&sec=Terkini&pg=bt_33.htm), (3 Disember 2017).
- Visu Sinnadurai. (1987). *The Law of Contract in Malaysia and Singapore: Cases and Commentary*, Ed. ke-2. Singapore: Butterworth & Co (Asia) Pte Ltd.
- Wu Min Aun. (2000). *Consumer Protection Act 1999 Supply of Goods and Services*. Selangor: Pearson Education Malaysia.
- Wu Min Aun. (1994). *Legal Aspects of Sale of Goods*. Petaling Jaya, Selangor: Longman Malaysia Sdn.Bhd.
- Zalina Zakaria & Zubaidah Ismail, S. (2015). Perkembangan Pengaturan Halal Menerusi Akta Perihal Dagangan 2011 Di Malaysia. *Shariah Journal*, 23(2), 189–216.